



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 07 JULAI 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | 'TUNGGU BUAH DURIAN GUGUR DAHULU', NASIONAL, SH-3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | FAMA SEDIA BANTU PEKEBUN, PERAIH, NEGARA, KOSMO-7 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. | MAQIS FOIL BID TO SMUGGLE IN FROZEN, NEWS IN BRIEF, NST-11 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 4. | DULU EJEN UMRAH DAN HAJI, KINI JADI PENTERNAK LEMBU, KAMBING, NEGARA, KOSMO-12 | LAIN - LAIN |
| 5. | GAMAT RM1,000 SEKILO JADI BURUAN, NEGARA, KOSMO-12 | |
| 6. | CUCI KENDERAAN, PASAR TANI DIBENAR OPERASI DI NEGERI FASA DUA PPN, NASIONAL, SH-8 | |
| 7. | 134 EKOR HAIWAN TERNAKAN SELUDUP DIRAMPAS, NEGERI PAHANG, KELANTAN, SH-28 | |
| 8. | NELAYAN VIETNAM CURI 200 KG GAMAT, NEGERI KELANTAN, SH-29 | |
| 9. | FARMERS IN A QUANDARY OVER UNHARVESTED CROPS, NEWS, THE STAR-4 | |
| 10. | ENFORCES FACE HURDLES IN BID TO CLEAR DURIAN TREES, NATION, NST-8 | |
| 11. | GOF MOBILISED TO MAINTAIN PUBLIC ORDER IN RAUB, SAYS IGP, NATION, NST-8 | |
| 12. | PERANG MUSANG KING, MUKA DEPAN, HM-1 | |
| 13. | KHIANAT NAK LENGAH OPERASI, LOKAL, HM-12 | |
| 14. | KERAH PGA KAWAL KETENTERAMAN, LOKAL, HM-12 | |
| 15. | TINDAKAN TEGAS JIKA ADA PIHAK BUAT KECOH, LOKAL, HM-12 | |
| 16. | OPERASI MUSNAH DUSUN DURIAN IKUT UNDANG - UNDANG, NASIONAL, BH-19 | |
| 17. | 2,000 NELAYAN BERISIKO HILANG SUMBER PENDAPATAN, NASIONAL, BH-9 | |
| 18. | PERTANIAN TAMPUNG JANA PENDAPATAN KELUARGA, GAYA TANI, UM-20 | |
| 19. | KOMERSIALKAN TANAMAN BELIMBING, HERBA, GAYA TANI, UM-21 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------|------------|
| 07.07.2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

'Tunggu buah durian gugur dahulu'

MAFI sedia berunding isu pokok musang king berbuah lebat dimusnah di Raub

Oleh SAIFULLAH AHMAD

PASIR SALAK

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melihat sebarang keperluan termasuk berunding dengan pihak berkaitan mengenai isu pekebun durian musang king di Raub, Pahang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, beberapa perkara juga akan dilihat, antara lain cadangan menunggu buah durian di kawasan itu gugur terlebih dahulu sebelum tindakan lanjut diambil terhadap pokok durian berkenaan.

Menurut Che Abdullah, pihak MAFI juga tidak menolak kemungkinan keadaan itu akan menjejaskan pasaran durian ketika ini.

"Macam padi juga, apabila terjejasnya pengeluaran maka sudah tentu terjejas dari segi jumlah eksport dan pasaran tempatan.

"(Tunggu buah gugur dahulu) itu cadangan baik yang kita akan lihat. Biasanya hasil tengah



Che Abdullah (tiga dari kanan) melihat tanaman padi di Felra Seberang Perak selepas mengadakan lawatan kerja di Jelapang Padi Seberang Perak di Pasir Salak pada Selasa.

keluar kita akan keluarkan hasil dahulu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Jelapang Padi Seberang Perak di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai isu pekebun durian musang king di Raub, Pahang.

Ahad lalu, seramai 18 individu dipercayai pekebun haram durian musang king ditahan selepas melakukan provokasi ketika operasi penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Operasi memusnahkan kebun haram durian di Raub dengan agensi kerajaan negeri mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Polis Diraja Malaysia yang tertumpu di sekitar kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang berkeluasan kira-kira 101 hektar.

Sementara itu, mengenai masalah dihadapi petani mendapatkan kebenaran untuk memasarkan hasil pertanian, Che Abdullah mengakui menerima keluhan tersebut.

Menurut Che Abdullah, pihak MAFI akan cuba mengatasi masalah tersebut dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 07.07.2021 | KOSMO | NEGARA | 7 |



PEKEBUN dan peraih yang mempunyai masalah menjual raja buah boleh memasarkannya di GBBS yang terdapat di seluruh Johor.

FAMA sedia bantu pekebun, peraih

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor menyediakan ruang pasaran kepada pekebun dan peraih untuk menjual durian sekali gus mengelakkan lambakan raja buah ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lembah Klang.

Pengarahnya, Shahrizan Sudiman berkata, pekebun dan peraih boleh memasarkan jualan buah mereka di 25 buah Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) di seluruh negeri Johor.

“Selain itu, FAMA Johor turut menyediakan lima Pasar Segar Terkawal (PST) yang ada di Johor Bahru, Permas Jaya, Endau di Mersing serta Bukit Gambir, Pagoh,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Shahrizan berkata, pihaknya juga menyediakan pusat memproses durian di Pusat Operasi FAMA Tangkak yang boleh me-



KERATAN *Kosmo!* kelmarin.

nerima bekalan sehingga dua tan metrik secara harian.

Katanya, FAMA telah membuka bilik gerakan yang berfungsi untuk mengeluarkan surat kebeharan pergerakan keluar daerah atau negeri kepada peraih dan pekebun untuk mendapatkan atau memasarkan bekalan.

Kata Shahrizan, harga durian ditentukan mengikut pasaran terbuka yang bergantung kepada permintaan dan penawaran.

“Trend harga durian di Johor ikut harga semasa, hari bekerja harga murah berbanding Jumaat hingga Ahad kerana permintaan banyak semasa orang ramai cuti bekerja,” katanya.

Maqis foils bid to smuggle in frozen seafood

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) foiled an attempt by a company in the seafood industry to smuggle frozen seafood from Iran, worth RM146,486.87, at Port Klang on Saturday. Maqis director Zamri Hashim said that the seafood, weighing 27,955kg and consisting of 1,349 crates of frozen eels and 951 crates of frozen ribbon fish, was seized at 4pm after a check by Maqis enforcement officers when the local company official failed to produce a valid import permit. The case is being investigated under Section 11(1) Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) and carries a fine of not less than RM100,000 or up to six years' jail, or both, upon conviction.

Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 07.07.2021 | KOSMO | NEGARA | 12 |

Dulu ejen umrah dan haji, kini jadi penternak lembu, kambing

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

SEREMBAN – Mengambil kira sektor pelancongan termasuk ibadah umrah dan haji yang mengambil masa lama untuk pulih akibat pandemik Covid-19, seorang usahawan muda nekad menukar bidang perniagaan.

Mohammad Yusoff Khalili Mohammad Ssunaibari, 34, berkata, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, dia mengambil keputusan sementara memberhentikan sementara operasi syarikat ejen pelancongan dan memberi tumpuan kepada bidang ternakan.

"Saya melihat sektor pelancongan termasuk membawa jemaah umrah dan haji semakin terjejas kerana pandemik Covid-19, tidak mahu terus berdiam diri, saya mulakan bidang penternakan lembu, kambing, rusa, ayam dan arnab.

"Alhamdulillah, saya dibantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri yang memberikan padang ragut seluas lebih empat hektar melalui pajakan bagi diusahakan penternakan haiwan," katanya ketika ditemui di Kampung Machang Ulu, Lenggeng dekat sini semalam.



MOHAMMAD YUSOFF memberi lembu ternakannya makan di Kampung Machang Ulu, Lenggeng Seremban, semalam.

Bercerita lanjut, Mohammad Yusoff berkata, dia bermula dengan membeli sebanyak 40 ekor lembu dan sehingga kini dia mempunyai sebanyak 120 ekor haiwan berkenaan.

"Kami bermula dengan modal yang kecil, namun sambutan daripada peniaga yang mencari lembu untuk dijual saban hari terus meningkat.

"Kami juga membuat dua jenis kaedah ternakan iaitu lembu untuk korban dan baka lembu untuk pembiakan," ujarnya.

Mohammad Yusoff menjelas-

kan, dia juga berhasrat membuka perniagaan berkaitan pembuatan daging burger dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi.

"Saya melihat industri ini semakin baik jadi saya berhasrat membuka perniagaan pembuatan daging burger ayam, arnab dan turut menjual pelbagai produk sejuk beku kelak," jelasnya.

Sementara itu, Mohammad Yusoff berkata, dia telah menerima tempahan sebanyak 35 ekor lembu dan 12 ekor kambing sempena Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Nelayan Vietnam ceroboh perairan negara kaut untung berganda

Gamat RM1,000 sekilo jadi buruan

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Kualiti gamat grad A di perairan negara yang mencecah harga RM1,000 sekilogram (kg) menjadi faktor nelayan asing sanggup menceroboh perairan Kelantan.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Muhd. Nur Sham Asmawie Yaacob berkata, gamat tersebut menjadi pilihan negara luar bagi pelbagai tujuan termasuk menghasilkan barangan kosmetik.

Terbaharu katanya, APMM menahan lima nelayan warga Vietnam termasuk seorang tekong berusia 25 hingga 38 tahun ketika menangkap gamat di lokasi 97.6 kilometer dari Kuala Tok Bali di sini, Ahad lalu.

"Kira-kira pukul 5:55 petang, bot peronda mendapati sebuah bot nelayan asing sedang bersah dan menyedari kehadiran pihak berkuasa, tekong cuba melotoskan diri dengan memencut laju bot ke arah perairan Vietnam.

"Nelayan bot itu juga bertun-

dak agresif dengan melepaskan lingskaran tali di permukaan laut untuk menghalang bot peronda, namun mereka berjaya ditahan 15 minit kemudian," katanya pada sidang akhbar di Jeti Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali di sini semalam.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati, kesemua nelayan asing itu tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri dan dokumen kebenaran menangkap hasil laut di negara ini. "Kita merampas 200 kg gamat, 2,000 liter minyak diesel dan peralatan menangkap dengan nilai keseluruhan sebanyak RM300,000.

"Harga sekglogram gamat di Vietnam boleh mencecah RM1,000 1 kg, manakala di negara ini RM60 untuk gamat basah dan RM500 bagi gamat kering," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(D)(a) Akta Perikanan 1985. Sementara itu, di Terengganu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidulhadi Abd. Rashid berkata, pihaknya menahan bot kargo

pada kedudukan 74 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman pukul 2 petang, Ahad lalu.

"Kita percaya bot kargo yang ditahan berperanan memungut hasil laut terutama sotong daripada nelayan Vietnam yang menceroboh perairan negara.

"Ia umpama kilang simpanan sejuk beku terapung sebelum hasil laut terutama sotong yang dicuri dari perairan negara dibawa pulang ke negara asal mereka," katanya pada sidang akhbar di Zon Maritim Kemaman semalam.

Menurutnya, berdasarkan seraman sistem penentu kedudukan global (GPS), bot kargo itu telah berada di perairan Pantai Timur dari Johor hingga Kelantan sejak seminggu lalu.

"Sebanyak 4 tan sotong, 1,000 liter minyak diesel dan bot kargo yang dianggarkan bernilai RM2 juta telah dirampas," ujarnya.

Tambahnya, seramai 12 kru bot kargo tersebut ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 15 (f) (a) Akta Perikanan 1985 dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.



MUHD. NUR SYAM ASMAWIE (kiri) melihat gamat yang ditangkap nelayan Vietnam di Tok Bali, Pasir Puteh semalam.

Cuci kenderaan, pasar tani dibenar operasi di negeri fasa dua PPN

PUTRAJAYA - Perkhidmatan cuci kenderaan, pasar pagi dan pasar tani dibenarkan beroperasi di negeri yang berada dalam fasa dua kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkata, perkhidmatan berkenaan tidak perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS yang diselenggara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebaliknya memadai dengan menunjukkan lesen perniagaan yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Jika lokasi perniagaan melibatkan pergerakan rentas daerah atau negeri, mereka perlu mendapatkan kebenaran polis dengan mengemukakan lesen perniagaan atau permit penjaja oleh PBT berkaitan,” menurut KPKT dalam kenyataan pada Selasa.

Setakat ini Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu,

Pahang dan Pulau Pinang beralih ke fasa dua PPN.

Bagi perkhidmatan cuci kenderaan sama ada secara manual, separa automatik dan automatik, KPKT berkata, kerja pembersihan yang dibenarkan meliputi bahagian luaran kenderaan, enjin kereta, dalam kereta, mengingatkan serta pengewapan antibakteria dan pembasmian serangga ruangan dalam kenderaan.

Bagi pasar pagi dan pasar tani, ia dibenarkan beroperasi dari jam 7 pagi hingga 11 pagi dengan pematuhan prosedur operasi standard meliputi bilangan pengunjung dan penjarakan minimum dua meter.

“Enam komoditi utama sahaja iaitu ikan, daging, ayam, telur, sayuran dan buah-buahan dibenarkan untuk dijual.

“Sementara pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu masih tidak dibenarkan dibuka,” kata kenyataan itu lagi. - *Beritama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------------------------|------------|
| 07.07.2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PAHANG. KELANTAN | 28 |

134 ekor haiwan ternakan diseludup dirampas

KOTA BHARU - Sebanyak 84 ekor lembu, 50 ekor kambing serta tujuh buah kenderaan dalam kegiatan aktiviti penyeludupan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta, telah dirampas Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) menerusi Op Benteng di sempadan Kelantan-Thailand.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, kesemua rampasan itu direkodkan mulai 28 April hingga 28 Jun lepas.

Beliau berkata, dalam tempoh sama, sembilan orang lelaki tempatan disyaki anggota sindiket penyeludupan haiwan ternakan dari negara jiran turut ditahan.

"Kita percaya akan ada banyak lagi cubaan daripada penyeludup untuk membawa masuk lembu atau kambing sebagai bekalan sambutan Hari Raya Korban," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Azhari berkata, hasil siasatan mendapati lembu diseludup dengan dibawa menyeberangi Sungai Golok di kawasan yang cetek manakala kambing dibawa masuk dengan menggunakan perahu atau bot.

"Modus operandi penyeludup biasanya akan meletakkan lembu yang dibawa masuk ke dalam semak atau disembunyikan ke dalam kandang berdekatan bagi mengelirukan pihak berkuasa.

"Ada juga haiwan diseludup ini terus dibawa menaiki lori dan dihantar kepada pihak lain pada waktu malam atau awal pagi," katanya.

Azhari berkata, tindakan penyeludup yang membawa masuk lembu dari negara jiran amat membahayakan kerana boleh menyebabkan berlaku jangkitan penyakit seperti penyakit kulit kental/berbonjol (LSD) kepada lembu tempatan. - *Bernama*

Melayan Vietnam curi 200kg gamat

Lima ditahan menerusi
Op Naga Barat dan
Op Gamat

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan lima nelayan asing warga Vietnam yang cuba mencuri 200 kilogram (kg) gamat berkualiti tinggi pada jarak 42.7 batu nautika dari muara Tok Bali di sini pada Ahad.

Penahanan lima nelayan termasuk tekong bot berusia antara 25 hingga 38 tahun itu dilakukan pada jam 6.10 petang menerusi Op Naga Barat dan Op Gamat. Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Muid Nur Syam Asmawie Yaacob ber-

kata, semasa melakukan rondaan pihaknya telah terserempak dengan bot nelayan Vietnam yang mencaroboh masuk ke kawasan perairan negara di negeri ini.

"Bot *Kilat 17* milik Maritim Malaysia Kelantan telah bertindak mengejar bot nelayan asing itu, namun mereka bertindak agresif dengan mencampakkan tali bagi menghalang tugas anggota penguat kuasa," katanya pada sidang akhbar di Markas Maritim Malaysia Tok Bali di sini pada Selasa.

Bagaimanapun menurutnya, hasil ketangkasan dan semangat tinggi anggota telah berjaya menaham bot nelayan Vietnam itu.

Beliau berkata, sejurus ditahan kesemua suspek gagal mengemukakan dokumen sah dan surat kebenaran untuk kerja-kerja menangkap ikan di perairan negara.

Muid Nur Syam Asmawie berkata, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu membawa kepada penemuan 200kg gamat ber-



Maritim Malaysia Kelantan menahan lima nelayan asing warga Vietnam yang mencuri 200kg gamat berkualiti tinggi pada jarak 42.7 batu nautika dari muara Tok Bali, Pasir Puteh pada Ahad.

kualiti tinggi dan 2,000 liter minyak diesel.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan berjumlah RM300,000.

"Walaupun nilai rampasan agak kecil, namun kerosakan yang dilakukan oleh nelayan asing itu sangat teruk untuk

hidupan laut di Malaysia.

"Hal ini kerana, kesan kerosakan itu mengambil masa selama lima tahun untuk pulih," katanya.

Muid Nur Syam Asmawie berkata, Maritim Malaysia Kelantan akan terus memperketatkan lagi rondaan dan kawal-

an di perairan negara bagi mengekang aktiviti penceroobohan nelayan asing.

Beliau berkata, Maritim Malaysia Kelantan tidak akan berkompromi dengan mana mana pihak atau individu yang bertindak melanggar undang-undang negara.

By ILI AQILAH
iliaqilah@thestar.com.my

FARMERS in Tringkap, Cameron Highlands, estimate they will lose up to RM30,000 a week as a result of the enhanced movement control order in the area that has prevented them from harvesting the vegetables.

Those who spoke to *StarMetro* understood the need for the enhanced MCO but said they could not find ways to sell their produce to minimise losses and prevent the greens from going to waste.

Farmer Chua Goh Kim, 63, said that with the restrictions in place until next week, no one was allowed to go to the farms to harvest the produce.

"Although I have a worker staying at my farm, neither he nor the rest of us are allowed to harvest the crops even though they are ready to be picked.

"It is sad that we have no choice but to let the spinach and lettuce we planted go to waste," Chua said when contacted.

"We also need to allocate a budget for clearing the same area soon and to start re-planting vegetables," he said, adding that his family-run farm had been operating for 50 years.


"I expect losses of between RM20,000 and RM30,000 a week," he added.

On June 26, Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that several areas in the country, including Tringkap in Cameron Highlands, would be under the enhanced MCO from June 28 until July 11.

For Lau Sai Hong, 52, up to 100 tonnes of produce a week are sent out from his family farm in

Farmers in a quandary over unharvested crops

They estimate losses of up to RM30,000 during EMCO in Camerons



Chua: No one is allowed into the farms to harvest the crops.



Lau: His family farm has suffered hefty losses each week.

Some of the crops waiting to be harvested at Chua's farm.

normal times. He said that would be the hefty amount of weekly losses he would suffer if the vegetables could not be harvested.

The farm is managed by my brother and his workers, while I handle the logistics of our business. "We have about 2ha of farm planted with spinach, celery, capsicum and tomato," he said.

"Our workers harvest and store them in designated baskets, but it seems like these will all go to waste now," he said, adding that the villagers were now helping each other by giving out the vegetables to those affected by the lockdown.

"There are three areas in Tringkap where residents are not allowed to leave and the areas are fenced up.

"We are outside of those areas, so we are still allowed to go around Tringkap but we cannot leave the town," said Lau.

"We are now packing both dry and wet groceries to be given to those within the cordoned-off areas.

"It is a difficult time for everyone but it is even harder for some, especially foreign workers, who travelled a long way from home just to earn a living," he added.

BATU TALAM PERMANENT FOREST RESERVE

ENFORCERS FACE HURDLES IN BID TO CLEAR DURIAN TREES

They believe durian farmers operating illegally at the site are resorting to delaying tactics

T.N. ALAGESH
AND MOHD RAFI MAMAT
RAUB
+ news@nst.com.my

ENFORCEMENT officers have encountered unexpected "hurdles" in their bid to clear illegal durian trees at the Batu Talam permanent forest reserve.

They believe that durian farmers operating illegally at the site are responsible for a series of de-

laying tactics to prevent officers from accessing the farms and cutting the trees.

On Sunday, enforcement officers en route to the farms had their path blocked by a four-wheel-drive vehicle with a punctured tyre.

The vehicle belonged to one of the farm owners. It was parked in the middle of the narrow road leading to the farms.

On Monday, the enforcement team spent several hours repairing a damaged concrete bridge along their path.

State Forestry Department assistant director (enforcement) Nor Azirim Ahmad said these obstacles had resulted in delays in reaching the plantation site.

"Our team had to use ropes to lift the broken concrete pieces from the stream to repair the bridge. It was quite challenging

as we had to ensure the bridge is safe for vehicles to travel."

He said the enforcement team consisting of state Forestry Department, state Enforcement Unit and policemen would be joined by the General Operations Force's (GOF) Tenggara Brigade from the Bukit Galing camp in Kuantan.

"The GOF will provide more security during the operations and ensure that work can be done according to schedule."

The operations, which cover an area of 101ha, began on July 3 and will end on Aug 2.

Checks at the permanent forest reserve on Monday showed more than 200 Musang King durian trees had been felled.

Eighteen farmers have since been detained for allegedly encroaching into the permanent forest reserve and remanded to

facilitate investigations.

Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail said the enforcement operations did not violate any law or breach the Court of Appeal's orders.

The operations, he said, were mounted after obtaining feedback from the state legal adviser's office.

"The state legal adviser's office was consulted regarding the operations and the area where the enforcement was conducted. The office had referred the matter to the Court of Appeal.

"The operations did not contravene court orders and the area is outside the durian farms which are supposed to be owned by Royal Pahang Durian Resources (PKPP Sdn Bhd)," he said in a statement.

"Individuals or farmers caught trespassing will be arrested and

vehicles found within the operation site will be seized. To date, 22 people have been arrested for investigation under the National Forestry Act 1984."

Wan Rosdy said the operations were similar to the ones conducted by enforcement agencies at Sungai Chah and Lembah Bertam in Cameron Highlands (vegetable farming) and Kechau in Lipis (gold mining), and hoped that it would not be turned into a racial issue.

The operations had irked durian farmers who were prevented from entering the farms to collect the fruits. The Court of Appeal had allowed them to enter pending a full appeal in the appellate court.

Some quarters had alleged that the operations were conducted at durian farms that had cases pending in court.



Police personnel standing guard during the operation to cut durian trees at the Batu Talam permanent forest reserve yesterday. PIC BY MOHD RAFI MAMAT

GOF mobilised to maintain public order in Raub, says IGP

KUALA LUMPUR: Inspector-General of Police Datuk Seri Acryl Sanj Abdullah Sant said police had dispatched the General Operations Force (GOF) to Raub, Pahang, to maintain public order in the district following a dispute between durian farmers and law enforcement officers on Monday.

He urged all quarters to use the right channels to air their grievances against the authorities.

He said while matters pertaining to alleged encroachment into a permanent forest reserve were under the purview of the Raub Land Office and the Pahang Forestry Department, public order was a police matter.

"The GOF has been mobilised to maintain public order. Police will not compromise with any quarters who try to interfere with the authorities in discharging their duties. If there are issues that any quarters are unhappy with, use legal and proper chan-

nels to voice your concerns. Do not do anything that is against the law."

On Sunday, 19 durian farmers were arrested for allegedly encroaching into the Batu Talam permanent forest reserve.

The farmers claimed that they had over the years grown Musang King durian in the forest reserve and had a right to enter the area.

The state government, however, maintains that the forest reserve is out of bounds and has since taken steps to fell the durian trees.

The farmers were released on bail yesterday.

On the actions of politicians, who allegedly crossed state and district lines, Acryl Sant said police had launched an investiga-

tion. He said action would be taken against the politicians if they were found to have violated the standard operating procedures (SOP).

Pahang police chief Datuk Ramli Mohamed Yusoff said police had launched an investigation into the conduct of several politicians who were at the Raub court complex on Monday in connection with the illegal durian farms' controversy.

The offences, he said, included obstructing public servants from carrying out their duties, as well as flouting the

SOP governing inter-district or interstate travel.

"Both the state and Raub Criminal Investigation Departments are looking into it. Judging from

the viral video, it appears that the politician (from outside Raub) could not produce any documents as required, but I have to verify it," he said at the state police headquarters yesterday.

On the politicians who have been called up to assist in investigations and the progress of the probe, Ramli stopped short of saying that police were in the midst of gathering information and recording their statements.

On the viral video that showed several politicians allegedly trying to provoke policemen during the farmers' remand process at the court complex, Ramli said there appeared to be "no elements of politeness".

"Policemen on duty were provoked and challenged. The individuals appeared unperturbed by the presence of the authorities.

"However, I am proud that the policemen did not retaliate but continued with their responsibilities at the court complex. Let the

law decide on the next course of action against those who caused problems yesterday."

Ramli cautioned that action would be taken against those who attempted to organise a rally or demonstration following the fracas at the court complex.

"Assemblies that jeopardise public order and cause unease should be avoided or else the organisers will face action. If we want to raise a point, then it should be done according to the law."

On Monday, a commotion took place at the Raub court complex, where 19 farmers who were detained for allegedly encroaching into a permanent forest reserve in Raub were taken to be remanded.

In a viral video, Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu was seen confronting a policeman guarding the police lorry transporting the farmers. He has been summoned by Pahang police. **By Kalbana Perimbanayagam and T.N. Alagesh**



Datuk Seri Acryl Sant Abdullah Sant

OPERASI MUSNAH POKOK DURIAN

PERANG MUSANG KING

Penanam durian musang king yang melakukan penerokaan haram hutan Simpan Keka (HSK) Batu Talam, Raub, Pahang melakukan pebagai cara bagi mengagalkan usaha pihak berkuasa daripada memusnahkan pokok raja buah itu termasuk merosakkan jambatan simen serta meletakkan kenderaan sebagai penghadang lalu-laluan di situ. Berikutan itu, polis kini menetapkan kawalan di lokasi berkenaan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini. *Lapor Mohd Razi Mamat dan Astrol Awang*



MSP



Pokok durian musang king yang ditebang.



ANGGOTA pihak berkuasa membaiki jambatan yang dirosakkan ketika operasi musnah kebun durian musang king di Hutan Simpan Batu Talam, semalam.

Khianat nak lengah operasi

Pekebun rosakkan lantai simen jambatan halang musnah kebun durian musang king

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Raub

Empat batang cerucuk simen dijadikan jambatan dipercayai dirosakkan pekebun durian musang king yang meneroka secara haram kawasan Hutan Simpan Batu Talam, di sini. Ia dirosakkan dua hari berturut-turut sekali gus menyebabkan operasi yang dijalankan pada kelmarin dan semalam terhenti seketika kerana terpaksa mengambil masa panjang untuk membaiki jambatan berkenaan.

Sebelum itu, sebuah kenderaan pacuan empat roda Hilux berwarna putih dipercayai milik pekebun bocor tayar hingga menghalang laluan. Ia dikaitkan dengan helah untuk melengkapkan operasi.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nor Azirim Ahmad berkata, dua halangan dibuat pihak tidak bertang-

gungjawab menyebabkan operasi musnah tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang.

Menurutnya, mereka yang terbabit operasi itu tiba di lokasi agak lewat berkaitan terpaksa membaiki jambatan dengan cara mengangkat semula lantai simen jambatan yang dijatuhkan ke anak sungai.

Katanya, anggota terbabit terpaksa mengikat menggunakan tali dan mengangkanya beramai-ramai. "Pembabitkan anggota Unit Penguat Kuasa JPNP Zon Pahang Barat dan Timur, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Batutram dan Unit Penguatkuasaan JPNP melancarkan operasi musnah yang dianggap mencabar buat semua petugas.

"Hari ini (semalam), anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Briged Tenggara Kem Bukit Galing, Kuantan akan menyertai operasi musnah, kehadiran mereka lebih menjamin keselamatan mereka yang menjalankan tugas," katanya yang turut sama menyertai operasi

berkenaan, kelmarin.

Beliau berkata, sepanjang operasi musnah itu, 22 individu membabitkan pekerja dan pemilik kebun ditahan kerana kesalahan berada dalam Hutan Simpan Batu Talam, mereka didakwa mengur Aktu Perhutanan Negara 1984.

Mohd Hizamri berkata, pihaknya perlu bertindak tegas memastikan aktiviti menceroboh Hutan Simpan Batu Talam tidak terus berlaku pada masa depan.

"Pembabitkan anggota dengan memusnahkan kebun durian musang king seluas 101 hektar yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam.

Kebanyakan pokok dewasa kini mengeluarkan hasil yang banyak dan buah mula gugur secara berperingkat.

Tinjauan dalam kawasan Hutan Simpan Batu Talam dekat sini mendapati aktiviti menebang dilakukan kelmarin membabitkan lebih 200 pokok durian musang king dan masih banyak lagi pokok raja buah itu yang akan dimusnahkan.

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Raub, Pahang bagi menjaga ketenteraman awam di daerah berkenaan berikutan kekecohan membabitkan pekebun durian dan anggota penguat kuasa, kelmarin.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, PDRM menyeru semua pihak yang terbabit dalam isu berkenaan supaya menggunakan saluran undang-undang yang betul jika ada bantahan terhadap tindakan pihak berkuasa.

Katanya, isu pencerobohan pekebun durian itu di bawah bidang kuasa dan urusan Pejabat Tanah Daerah Raub dan Jabatan Perhutanan Pahang.

"Pihak PGA di sana (Raub) untuk memastikan keselamatan mereka terjaga semasa menjalankan tugas dan PDRM tidak akan berkompromi dengan pihak



ANGGOTA PGA melakukan kawalan di sekitar Hutan Simpan Batu Talam, semalam.

Kerah PGA kawal ketenteraman

yang cuba mengganggu-gugat pihak berkuasa yang menjalan-

lankan tugas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media, semalam selepas menjauhi Flat Sri Sabah, Cheras yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula pada 3 Julai lalu hingga 16 Julai depan di sini.

Mengulas mengenai tindakan beberapa ahli politik yang merentas negeri dan daerah bagi mem-

berikan sokongan terhadap 18 pekebun durian yang ditahan selepas mengganggu tugas anggota penguat kuasa, Acryl Sani berkata, polis sudah membuka kertas siasatan mengenai perkara itu.

Beliau berkata, tindakan sewajarnya akan dikenakan jika terbukti berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Pergerakan Pelan Pemulihan Negara.

Tindakan tegas jika ada pihak buat kecoh

Kuantan: Polis tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap individu atau pihak yang cuba mengganggu ketenteraman awam termasuk kekecohan yang membabitkan pekebun durian dan anggota penguat kuasa di Raub.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yusoff berkata, sebaiknya segala tindakan yang ingin dilakukan perlu berlandaskan undang-undang.

Justeru, beliau berkata, pihaknya menasihati individu atau pihak yang cuba mencetuskan kekecohan supaya menghormati undang-undang.

"Semua perlu lakukan secara berhemah dan bukan menengking pegawai dan anggota polis yang menjalankan tugas.

"Pada masa sama, saya memuji sikap anggota da-

lam menangani kes itu," katanya.

Ramli berkata demikian selepas melihat video tular di media sosial membabitkan ahli politik dikatakan melakukan provokasi terhadap pegawai dan anggota polis ketika proses reman terhadap 18 pekebun durian di Mahkamah Raub, kelmarin.

Mengulas kejadian terbabit, beliau berkata, siasatan masih dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub dan IPK Pahang.

"Yang jelas antara kesalahan dilakukan ialah rentas daerah dan menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

"Setakat ini dalam video itu, individu terbabit gagal menunjukkan surat rentas daerah apabila diminta anggota polis," katanya.



"Pihak PGA di sana (Raub) untuk memastikan keselamatan mereka terjaga"
Acryl Sani

Ceroboh hutan simpan kekal

Operasi musnah dunsun durian ikut undang-undang

Pahang rujuk penasihat perundangan, mahkamah

Oleh Safeek Affendy Razali, Astrol Awang dan Mohd Rafi Mamat bhnews@bh.com.my

Kuantan: Operasi memusnahkan ladang durian haram dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, dekat Raub sejak Sabtu lalu, dilaksanakan kerajaan negeri selepas mendapat pandangan penasihat undang-undang Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata pandangan penasihat undang-undang itu dirujuk susulan dakwaan kononnya operasi penguatkuasaan di situ melanggar perintah Mahkamah Rayuan.

"Operasi penguatkuasaan ini dijalankan selepas mendapat pandangan perundangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang (LA) Negeri yang sebelum itu merujuk kembali perkara ini ke Mahkamah Rayuan.

"Ia sebenarnya tidak melanggar perintah mahkamah kerana kerja penguatkuasaan dilakukan di luar kawasan kebun durian yang dimaksudkan yang dimiliki oleh Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Wan Rosdy berkata, operasi itu juga tidak wajar dijadikan isu perkauman kerana sebelum ini penguatkuasaan sama dilakukan di Sungai Ichat dan Lembah Bertam, Cameron Highlands, masing-masing memabatkan pekebun India serta Cina.

"Di Kechau, Lipis pula memabatkan pelombong emas Melayu. Oleh itu, saya berharap operasi di HSK Batu Talam ini

tidak dijadikan isu perkauman," katanya.

Wan Rosdy berkata, kerja penguatkuasaan itu bermula Sabtu lalu hingga 2 Ogos depan atau selama kira-kira sebulan.

"Operasi penguatkuasaan memabatkan kebun haram, termasuk tanaman durian 'Musang King' dalam HSK Batu Talam berkeluasan kira-kira 101.17 hektar.

"Ia termasuk menahan mana-mana individu dan pekebun memasuki kawasan HSK Batu Talam tanpa kebenaran, serta turut menyita barangan dan kenderaan.

"Dalam tempoh dua hari operasi, 22 individu ditahan, termasuk 18 orang pada Ahad lalu, untuk siasatan mengikut Akta Perhutanan Negara dan Kaunuran Keseksaan," katanya.

Beliau menjelaskan, ia sebenarnya adalah operasi penguatkuasaan biasa, tetapi mendapat tentangan dan provokasi dengan kata-kata kesat dikeluarkan ter-

Operasi

penguatkuasaan ini dijalankan selepas mendapat pandangan perundangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang (LA) Negeri



Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang

dengan anggota penguat kuasa, kelnarin.

"PDRM tidak akan berkompromi dengan pihak yang cuba mengganggu-gugat pihak berkuasa sedang menjalankan tugas," katanya.

Mengulas tindakan beberapa ahli politik merentas negeri dan daerah untuk memberi sokongan kepada 18 pekebun durian yang ditahan itu pula, Acryl Sani berkata, polis sudah membuka kertas siasatan bertubung perkara berkenaan.

Beliau berkata, tindakan sewajarnya akan dikenakan jika terbukti berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

hadap pegawai serta anggota penguat kuasa.

Sementara itu, JPNP berdepan halangan pada hari ketiga operasi berkenaan, kelnarin, termasuk empat lantai simen jambatan yang mahu dilalui, dipercayai dirobohkan pihak tidak bertanggungjawab.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP, Nor Azrim Ahmad, berkata halangan terbabit menyebabkan operasi tidak dapat diteruskan mengikut perancangan.

Sebelum itu, sebuah kenderaan pacuan empat roda menghala ke arah jalan selepas tayaranya dikatakan bocor, namun ia disyaki helah untuk melengahkan operasi.

Di Kuala Lunupur, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata polis menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi menjaga ketenteraman awam di Raub susulan insiden kekecohan memabatkan pekebun durian

Isu Batu Puteh

2,000 nelayan berisiko hilang sumber pendapatan

Rancangan tambak kawasan Batu Puteh akan mengakibatkan hilangnya pendapatan

Oleh **Muhammad Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Kira-kira 2,000 nelayan sekitar Pengerang dan Sedili, Kota Tinggi, berisiko kehilangan sumber pendapatan utama mereka, jika Malaysia ter-

lepas perairan Tompok Utara di Johor Timur dekat Kota Tinggi. Wakil nelayan kawasan Pengerang, Azman Nor, 52, berkata nelayan kawasan Johor Timur sekian lama berdepan dengan isu hasil laut yang semakin berkurangan, selain isu pencemaran.

Katanya, jika rancangan Singapura menambah kawasan Batu Puteh, kira-kira 7 batu nautika dari Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, nelayan kawasan berkenaan dikhuatiri terus dihindari pelbagai masalah.

"Jika benar projek tambahan Batu Puteh berlaku, ia boleh menyebabkan perairan Malaysia di Johor Timur menjadi lebih kecil

apabila dihunuti Singapura, ia akan menjadi igauan paling ngeri golongan nelayan.

"Kami semakin terhimpit dengan perabangunan di sekeliling kawasan perairan Johor Timur jika kawasan perairan yang menjadi punca rezeki berjaya dirampas negara lain, penderitaan nelayan di sini akan lebih besar.

"Bayangkanlah 2,000 nelayan kecil berebut mencari rezeki di kawasan perairan yang semakin terhad, saya percaya ia akan akhirnya membunuh nelayan kecil di Kota Tinggi," katanya ketika dihubungi.

Malaysia dikhuatiri akan kehilangan perairan Tompok Utara di Johor Timur, berhampiran

Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, dekat sini, jika tidak membuat bantahan terhadap tindakan Singapura yang akan mula menambah tanah di sekitar Batu Puteh atau Pedra Branca.

Sumber industri maritim berkata, tindakan menambah tanah di sekitar Batu Puteh adalah sebagai langkah bagi mengukuhkan tuntutan republik itu terhadap status perairan sekitar Batu Puteh (Pedra Branca), Batuan Tengah (Middle Rock) dan Tubir Selatan (South Ledge), yang masih menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura.


Kata sumber berkenaan, tindakan Singapura mahu menan-

bak tanah sekitar perairan Batu Puteh itu sekali gus membolehkan republik itu menuntut kawasan perairan lebih jauh sehingga Teluk Punggai di Perairan Johor Timur.

Mengulas lanjut, Azman berkata, ada kira-kira 1,500 nelayan kecil di sekitar Pengerang, manakala 500 lagi di kawasan Sedili.

"Saya berharap kerajaan mengambil tindakan tegas supaya hak perairan negara di Johor Timur tidak terlepas ke negara lain.

"Ia bukan sahaja soal rezeki nelayan, malah sebenarnya + membatalkan kedaulatan dan maruah negara," katanya.



Batu Puteh

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
guyautusan@mediamalaysia.com.my

WALAU PUN harga komoditi sawit telah meningkat sejak awal tahun ini, generasi kedua Felda tidak terlalu mengharapkan pendapatan ibu bapa mereka yang turut menanggung bayaran kembali hutang Felda dan perbelanjaan lain.

Senario kehidupan warga Felda khususnya generasi kedua masih tidak berubah khususnya tekanan pendapatan apabila ancaman pandemik Covid-19 di peringkat global dan negara sejak tahun lalu menyaksikan mereka hilang pendapatan dan pekerjaan.

Malahan golongan itu yang ada berhijrah ke tempat lain sebagai pekerja di sektor swasta dan peniaga termasuk yang tinggal di tempat sendiri mula terhimpit. Ini ekoran penularan wabak Covid-19 yang terus memberi impak perbelanjaan keperluan dapur, persekolahan anak dan kebajikan lain.

Asbab berdepan tekanan kesukasan perbelanjaan dalam tempuh penguatkuasaan Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga ini mendorong pasangan suami isteri generasi kedua Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut, Muhammad Rozi Ismail, 41, dan Haslina Md. Jalli, 40, mengusahakan tanaman terung (*Solanum melongena*).

Kesungguhan ingin mengubah cara hidup disertai semangat berkobar-kobar ingin bebas daripada tekanan sukar memperoleh pendapatan mendorong pasangan itu mengusahakan tanaman terung di kawasan seluas 0.4 hektar milik Felda di situ. Alhamdulillah kini ia terbukti berhasil.

Muhammad Rozi mengakui pada peringkat awal timbul keraguan adakah usaha yang dirintis akan berjaya khususnya pasaran hasil tanaman itu, tetapi dapat dikikis apatah lagi kerap diberi galakan dan nasihat oleh isterinya.

"Saya memulakan tanaman ini pada Oktober tahun lalu dengan mengeluarkan sedikit simpanan sebagai modal membeli peralatan kebun, baja dan biji benih. Saya menyemai sendiri 1,700 pokok di batas tanah dengan bantuan isteri dan anak.

"Penjagaan tanaman ini agak mudah dengan hanya menggunakan baja organik



Pertanian tampung jana pendapatan keluarga

Hampir 10 minggu atau perkiraan saya selama 70 hari ditanam, sebanyak 1,700 batang pokok ini mengeluarkan hasil terung yang matang dan boleh dipetik."

MUHAMMAD ROZI

yang beli daripada pembekal di Felda ini, manakala peralatan pengairan pokok saya buat sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan," katanya di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut, Pahang.

Menurutnya, tugas menjaga tanaman seperti membara dan

mengairi pokok serta kawalan ancaman serangga dilakukan dengan teliti serta berjadual setiap hari dengan bantuan ahli keluarga.

"Hampir 10 minggu atau perkiraan saya selama 70 hari ditanam, sebanyak 1,700 batang pokok ini mengeluarkan hasil terung yang matang dan boleh dipetik. Hasil pertama yang kami peroleh seberat kira-kira 1,000 kilogram (kg), manakala hasilnya sehingga ini sudah melebihi 5,000 kg," katanya.

Muhammad Rozi berkata, kejayaan itu mendorong dia dan isteri memeta perancangan untuk menanam cili kecil, pisang dan menternak kambing kerana permintaan tempatan yang memberangsangkan.

Sementara itu, Haslina berkata, pada awalnya dia juga bimbang hasil tanaman itu tidak ada pasaran tetapi sebaliknya jangkakan itu meleset apabila sayuran berkenaan (terung) mendapat banyak permintaan daripada masyarakat setempat.



TERUNG diangkut dengan kereta sorong selepas dipetik untuk dipasarkan di Bandar Pusat Jengka, Maran. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD



HASLINA MD. JALIL



MUHAMMAD ROZI ISMAIL

"Ramai yang singgah di kebun membeli terung yang kami jual dengan harga RM6 sekilogram pada waktu pagi dan petang secara 'pandu dan lalu'. Kami juga menguruskan jualan secara COD memenuhi permintaan pelanggan sekitar Felda ini.

"Seingga bulan ini, anggaran seberat antara 1,000 hingga 2,000 kg terung dipasarkan setiap minggu bagi memenuhi permintaan pembeli dan pemborong di pasar raya Bandar Pusat Jengka dan kawasan Felda berdekatan," katanya.

Ibu kepada lima orang anak berusia antara 21 hingga 5 tahun menambah, pendapatan hasil tanaman itu cukup bagi menampung keperluan dapur, persekolahan dan simpanan sebagai modal bagi tanaman lain dalam masa terdekat.

Katanya, ancaman pandemik Covid-19 menjadikan dia dan suami memupuk semangat dan menumpukan usaha memastikan dapur rumah mereka berasap selain mencari pendapatan membiayai persekolahan anak-anak.

"Saya berharap generasi baharu Felda turut sama bangkit memulakan usaha dalam bidang pertanian.

"Pertanian adalah perniagaan. Tanamlah benih apa pun di kawasan tanah yang subur pasti akan mencongak pendapatan yang lumayan," ujarnya.



pada pemborong dan pasar raya



SITI ZABEDAH Sudin (dua dari kiri) dan sebahagian ahli Gabungan Persatuan Wanita (GPW) menunjukkan asam hitam belimbing untuk dipasarkan di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut, Pahang.

Komersialkan tanaman belimbing, herba

Orang lama di Felda itu iaitu ibu bapa generasi kedua yang menganggotai Gerakan Persatuan Wanita (GPW) Felda Kota Gelanggi Dua juga mengambil inisiatif menanam pokok belimbing, sayuran dan herba untuk tujuan komersial.

Tanaman 100 pokok belimbing buluh (Averrhoa belimbi limn) atau belimbing asam dimulakan pada 2016 adalah hasil usaha seramai 20 ahli GPW yang juga ketua blok penkerawati nyata berbaloi. Kini ia jadi sumber pendapatan kekal.

Pengerusi GPW Felda Kota Gelanggi Dua, Siti Zabedah Sudin, 67, berkata, dalam tempoh tiga tahun pokok belimbing mula berbuah dan tidak menyangka buahnya begitu lebat. Ia mula dipungut pada awal 2019.

"Memang sasaran kami menanam belimbing buluh untuk membuat asam hitam secara komersial bagi menambah dana tabung persatuan ini menerusi pasaran produk sendiri.

"Malahan, kita juga tidak menduga ancaman pandemik Covid-19 awal 2020 menyebabkan kesusahan penduduk. Sementelahan pula peneroka di sini berdepan kejatuhan harga sawit waktu itu.

"Jadi projek tanaman belimbing antara penyumbang pendapatan ahli persatuan ini," katanya di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut.

Menurut Siti Zabedah, ahli GPW walaupun berstatus warga emas tidak patah semangat apabila berdepan ancaman Covid-19

ditambah pula pematuhan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan penduduk tidak dapat keluar bekerja.

"Buah belimbing yang banyak menguatkan lagi semangat kami seramai enam orang pengusaha GPW terus memasak asam hitam di premis yang disediakan oleh pengurusan Felda.

"Sejak dua tahun lalu asam hitam pengeluaran GPW dipasarkan ke bandar Jerantut, Bandar Pusat, Kolej Komuniti Jerantut dan sekitar kawasan Gugusan Felda Kota Gelanggi menerusi COD termasuk menghantar ke kedai runcit dan wakil penjual di tempat

lain," katanya.

Katanya, sepanjang Jun lalu, ahli GPW sudah menghasilkan kira-kira 500 bungkus masing-masing seberat satu kilogram yang dijual pada harga RM15.

"Setiap bekas yang dijual, pengurusan GPW membayar upah RM5 kepada pekerja dalam kalangan ahli yang kebanyakannya warga emas dan ibu tunggal. Selebihnya untuk tabung kewangan persatuan ini," katanya.

Siti Zabedah berkata, mereka juga menanam sayur-sayuran dan herba seperti kunyit, lengkuas, serai di kawasan berdekatan pejabat Felda yang dikenali sebagai projek *edible garden* untuk tujuan komersial.



SEBAHAGIAN ahli Gabungan Persatuan Wanita (GPW) membersihkan buah belimbing sebelum dimasak untuk dijadikan asam hitam di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut. - UTUSAN/ HARISS FADILAH AHMAD